

02/04/2002

`Hantu' halang usaha BN kuasai semula Kelantan

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Barisan Nasional (BN) tidak akan berjaya menawan semula Kelantan selagi masalah yang menghantui Umno di negeri berkenaan tidak dapat diatasi.

Perdana Menteri berkata, `hantu' yang menguasai Umno Kelantan itu menyebabkan parti berkenaan berhadapan dengan masalah dalaman sehingga menjejaskan peluang BN menerajui negeri itu.

Sambil mengiakan desas-desus mengenai kemelut Umno Kelantan seperti yang dilaporkan akhbar, beliau berkata, ada pihak tertentu di dalam Umno Kelantan yang lebih mengutamakan ekonomi peribadi menyebabkan Umno negeri itu tidak mendapat sokongan padu segenap lapisan masyarakat.

"Ada (masalah di Kelantan)... seperti rebutan itu dan ini. Ada yang tidak puas hati kerana tidak dapat sesuatu bagi diri sendiri. Ada yang lebih utamakan ekonomi peribadi.

"Selagi mereka tidak dapat mengatasi hantu ini, saya fikir sukarlah," katanya dalam temu ramah eksklusif dengan RTM selepas pengumuman keputusan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (Dun) Ketari, malam tadi.

Ditanya apakah nasihat beliau kepada Umno Kelantan, Perdana Menteri berkata: "Saya nasihat, saya dah bagi 10 tahun dah. Tiap-tiap tahun saya bagi dan nasihatnya satu saja.

"Kita harus memberi sokongan padu kepada sesiapa juga yang menjadi calon. Selagi ada sikap kalau saya tak jadi calon, maka saya dan orang saya tidak akan sokong, maka sudah tentu kita akan kalah.'

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, Umno akan memberi penerangan sejelas-jelasnya mengenai kebolehan dan keikhlasan BN bagi menawan semula Kelantan dan Terengganu.

Beliau bagaimanapun berkata, rakyat di Terengganu mula menunjukkan perubahan sikap dan menyokong semula BN walaupun tiada pilihan raya kecil dijalankan di negeri terbabit.

Mengulas kemenangan BN dalam hampir semua pilihan raya kecil, kecuali di Lunas, Dr Mahathir menyifatkannya sebagai satu petanda baik dan jelas membuktikan perubahan sikap rakyat terhadap BN.

"Tidak seperti pada 1999, yang mana pihak tertentu berjaya menghasut rakyat. Tapi sekarang ini, rakyat berpeluang dalam jangka masa yang lalu untuk memahami apa sebenarnya berlaku.

"Mereka sekarang sudah beralih untuk menyokong semula BN dan ini sudah tentu petanda baik untuk masa depan BN dalam pilihan raya kecil, yang mungkin diadakan sebelum pilihan raya umum (2004)..dan dalam pilihan raya yang akan datang pun, saya yakin kita mampu mencapai kemenangan lagi," katanya.

Mengulas tulisan lidah rasmi pembangkang seperti Harakah yang dianggap cuba memperlekehkan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri berkata, beliau amat yakin dengan keupayaan Abdullah untuk memangku tugas bukan sahaja sebagai Perdana Menteri malah Menteri Kewangan.

"Saya boleh beri sebulan dengan tidak ada berasa curiga sama sekali terhadap kebolehan timbalan saya dalam menguruskan segala urusan negara.

"Saya serah kepadanya jawatan, bukan sahaja menjalankan tugas yang biasanya dipikul oleh Perdana Menteri tetapi juga sebagai Menteri Kewangan..dan Menteri Kewangan ini mempunyai kerja yang cukup banyak. Tetapi bila saya kembali ke tanah air, saya tak dapat apa-apa masalah."

"Memanglah..parti lawan ni. Takkanlah dia nak puji. Pada dia semuanya

tak betul. Tapi bila dia dapat peluang jadi kerajaan, apa yang dia buat? Selain daripada memaki orang, mencarut. Itu sajalah.

Perdana Menteri juga diminta mengulas mengenai peranan RTM berikutan selalu ditohmah sebagai alat kerajaan.

Perdana Menteri berkata, RTM memberi laporan benar mengenai sesuatu perkara, seperti kemenangan BN atau parti lawan. Namun, seperti media lain, laporan yang disiarkan mencerminkan pendirian mereka.

"Harakah umpamanya. Apakah kita harap Harakah akan membuat laporan yang baik mengenai BN atau pun Rokat? Mereka membuat laporan dan kadang-kadang kita dapati secara terang-terang putar belit sesuatu berita kerana kepentingan politik mereka.

"Kalau merekalah menjadi kerajaan dan menguasai RTM, kita akan dengar RTM bunyi macam Harakah atau pun macam Rokat. Bohong semata-mata. Cerita orang itu kononnya korup, macam-macam cerita yang dibuat. Yang tak benar sama sekali."

Mengulas masalah yang melanda Palestin, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak dapat memberi bantuan secara fizikal kecuali sokongan padu daripada segi moral.

Katanya, Majlis Keselamatan sebulat suara mengecam Israel dan menyuruh negara terbabit berundur dari Palestin.

Malah, katanya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga sekali lagi menyuarakan sokongan mereka kepada semua resolusi yang dibuat berkenaan Palestin.

"Memang puak Israel ini begitu degil tetapi saya yakin, kalau dia degil, dia takkan dapat bantuan sokongan daripada pihak lain," katanya.

(END)